

Pasukan polis bantuan UPM

Dalam usaha universiti meningkatkan keselamatan dalam menangani jenayah ke arah kampus selamat

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK

kampus@utusan.com.my

KEJADIAN jenayah bukan saja berlaku di kawasan bandar. Malah ia membabitkan kampus universiti yang tidak terkecuali daripada kejadian jenayah.

Justeru, Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini menubuhkan pasukan Polis Bantuan UPM bagi meningkatkan mutu keselamatan kampus ke arah 'Kampus Selamat' serta mempunyai keistimewaan dan kuasa polis untuk melaksanakan tugas.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata, polis bantuan bukan sahaja berfungsi sebagai 'mata dan telinga' kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) tetapi sebagai pembantu yang efektif dalam mencegah dan menangani kejadian jenayah di universiti.

"Sebagai pasukan beruniform, kita perlu menjadi contoh yang baik serta



**KHALID ABU
BAKAR**



KHALID Abu Bakar (tengah) bergambar bersama warga UPM selepas majlis Penyerahan Watikah Polis Bantuan UPM di UPM Serdang, baru-baru ini.

perlu berada di barisan hadapan untuk berinteraksi dan menjaga keselamatan masyarakat," katanya dalam Majlis Penyerahan Watikah Polis Bantuan di Dewan Taklimat, UPM baru-baru ini.

Watikah itu telah diterima oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi Ramli. Khalid berkata, penubuhan Polis Bantuan adalah mengikut Akta Polis dan Peraturan-Peraturan Polis 1970 yang

telah wujud sejak 1948.

"Pada masa kini sebanyak 152 agensi Polis Bantuan sedang beroperasi di seluruh negara iaitu 18,649 anggota dan jumlah agensi Polis Bantuan di Selangor adalah sebanyak 47 agensi yang dianggotai 4,363 anggota," katanya.

Dalam pada itu, Khalid juga menyarankan UPM untuk mewujudkan Pusat Kawalan Polis Bantuan dikawasan

lebih strategik bagi menggantikan yang sedia ada.

Sementara itu, Mohd Fauzi berkata, watikah itu bertujuan membolehkan pengawal keselamatan UPM mempunyai kuasa polis serta melayakkan mereka membawa senjata api semasa melaksanakan tugas di kawasan yang ditentukan bagi memastikan keselamatan kampus terjamin.